

11/08/2002

Malaysia cari sokongan penubuhan Asean-3

Rasid Rahaman; Shamshul Azree Samshir

TANJUNG MALIM: Malaysia akan terus berusaha meraih sokongan menubuhkan Sekretariat Asean+3 di Kuala Lumpur kerana yakin pembentukan kerjasama itu mampu membawa manfaat kepada negara anggota Asean.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata penubuhan Sekretariat Asean+3 tidak mendapat sokongan kerana ada negara anggota Asean cemburu dan tidak senang hati.

"Ini hujah sesetengah pihak yang tidak berpuas hati jika sekretariat itu ditempatkan di Kuala Lumpur. Di kalangan negara Asean juga ada cemburu dan tidak senang hati, sebab itulah kita tidak dapat sokongan.

"Tetapi, Insya-Allah, kita akan berusaha untuk menubuhkan Asean+3 dan mungkin sekretariatnya dapat ditempatkan di Malaysia," katanya pada majlis dialog dengan pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) di sini, semalam.

Sebelum ini, Dr Mahathir dilaporkan menyatakan kekecewaannya kerana Mesyuarat Menteri-Menteri Luar Asean (AMM) ke-35 di Brunei Darussalam baru-baru ini, gagal mencapai kata sepakat mengenai penubuhan sekretariat itu.

Asean+3 ialah kerjasama anggota Asean dengan Jepun, Korea Selatan dan China bagi mengukuhkan hubungan dan perdagangan di rantau ini. Singapura dan Indonesia dikatakan kurang berminat dengan cadangan itu.

Dr Mahathir berkata, penubuhan Asean+3 sebagai alternatif kepada cadangan asal mewujudkan Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEC) perlu diteruskan kerana suara Asean yang kebanyakan negara anggotanya lemah tidak dihormati dalam forum antarabangsa.

"Kalau kita mahu suara kita lebih dihormati, kita perlu sertai kumpulan yang lebih besar sebab itulah kita cadangkan EAEC yang anggotanya China, Korea Selatan dan Jepun.

"Kita tahu negara ini lebih kuat, kaya dan berpotensi dari Asean. Jika kita bercantum, kita akan jadi suara yang cukup kuat dan yang perlu dihormati," katanya.

Dr Mahathir berkata, Asean+3 membentuk pasaran yang cukup luas dengan keupayaan industri yang setanding dengan Eropah dan Amerika Syarikat.

"Dengan itu, wujudlah keseimbangan ekonomi dan politik antara negara Eropah, Amerika Utara dan Asia.

"Tanpa keseimbangan ini, sudah tentu Eropah dan AS akan cuba menakluk semula kita, bukan dengan menggunakan kapal perang tetapi tekanan seperti yang kita alami dalam krisis matawang," katanya.

Sementara itu, Dr Mahathir berkata, Dialog Antarabangsa Langkawi-Global 2002 (LID-Global 2002) berakhir minggu lalu membawa banyak manfaat kepada Malaysia mengenai kaedah melaksanakan program pembangunan selain membuka peluang pelaburan.

Katanya, Malaysia menikmati banyak faedah menganjurkan LID-Global 2002 berdasarkan faktor kemampuan negara dalam pelbagai bidang.

"Kita adakannya (LID-Global 2002) kerana kita percaya negara dunia ketiga dan membangun perlu merapatkan diri dan dengan itu mereka dapat mempertahankan diri.

"Ia juga memberi peluang untuk mempelajari satu sama lain cara terbaik dan tidak baik dalam membangunkan negara.

"Dengan bertukar fikiran dan berdialog, kita belajar dari rakan-rakan mengenai cara membangunkan ekonomi selain berkenalan," katanya.

Dr Mahathir berkata, LID-Global 2002 juga memberi peluang kepada peserta

mempelajari kaedah terbaik membangunkan ekonomi selain peluang mencari rakan dagangan yang sebegitu banyak.

"Adanya Petronas di Afrika disebabkan adanya usaha kita berkenalan dengan wakil Afrika Selatan. Sekarang, Petronas menjadi syarikat minyak terbesar di negara itu dan dapat menembusi pasaran Afrika," katanya.

Suasana dewan menjadi gamat apabila seorang wakil Majlis Perwakilan Pelajar UPSI mencadangkan Dr Mahathir menerima Anugerah Nobel Keamanan berdasarkan sumbangan beliau dalam bidang ekonomi dan politik sejagat.

Sebagai reaksinya, Dr Mahathir berkata, Anugerah Nobel Keamanan lazimnya diberi kepada golongan pemberontak yang mahu menghancurkan kerajaan dan beliau bukanlah dari golongan itu.

"Tak payahlah, tak dapatpun tak apa. Saya sudah dapat anugerah dari Kerajaan Arab Saudi, dari Azhar (Universiti al-Azhar)...saya lebih hargai yang itu," katanya disambut tepukan gemuruh pelajar UPSI.

Dr Mahathir berkata, usaha perlu terus dibuat bagi melatih lebih ramai pakar penterjemah bahasa supaya ilmu dalam pelbagai bidang dapat dikuasai.

"Kita menghadapi masalah dalam bidang penterjemahan. Sebab itulah kita memilih untuk menguasai bahasa Inggeris supaya akhirnya kita dapat menguasai ilmu dan menterjemahkan buku, jurnal dan artikel ke dalam bahasa Melayu," katanya.